



Jabatan Bantuan dekati masyarakat

Sumbangan Azura Taim & Masitah Sotki

BAGI mempromosikan perkhidmatan jabatan kepada masyarakat dengan lebih dekat lagi, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Sibu telah mengadakan Khidmat Nashat Guaman 1Malaysia sempena Pesta Belawai 2012, baru-baru ini.

JBG di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) di Jabatan Perdana Menteri merupakan sebuah jabatan yang menyediakan khidmat guaman bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan bidang kuasa kes yang telah ditetapkan.

Selaras dengan objektif, misi dan visi jabatan, JBG Sibu telah mengadakan khidmat nashiat guaman di Belawai pada 9 hingga 11 Mac yang lepas.




LAWAT KAUNTER: Len yang menjadi tetamu kehormat pada program Pesta Belawai 2012 turut meluangkan masa mengunjungi kaunter Jabatan Bantuan Guaman.

Masyarakat digalakkan datang untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi berkenaan bidang kuasa JBG.

Perkhidmatan teras JBG terdiri darpa tiga perkara utama iaitu khidmat nashiat guaman,

khidmat guaman ke mahkamah dan pengantaraan (medias). Perkhidmatan JBG adalah bagi membantu



Guaman

SELAH DATANG: Orang ramai yang mendaftar di kaunter Jabatan Bantuan Guaman.

golongan yang tidak berkemampuan.

Bantuan Kategori 1 ialah untuk mereka yang berpendapatan RM0 hingga RM25,000 setahun dan bayaran RM2 dikenakan bagi setiap perkhidmatan.

Kategori 2 pula ialah untuk mereka yang berpendapatan RM25,000 hingga RM30,000 setahun dan bayaran RM2 serta RM300 sumbangan kepada JBG dikenakan. Antara bidang kuasa yang dikendalikan JBG

ialah kes berkaitan sivil, syariah dan jenayah.

Pelanggar yang menghadiri sesi ini telah diberikan risalah percuma untuk rujukan dan pengetahuan.

Bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut, pelanggan digalakkan untuk datang ke pejabat JBG yang beralamat di JABATAN BANTUAN GUAMAN, TINGKAT 10 (SEC.A), WISMA VASTY, LOT 445, BLOK 5, NO. 15, JALAN PULAU, 96000 SIBU.

Pada masa sama orang ramai juga boleh menghubungi pihak JBG di talian 084-343978 atau lokasi masalah mereka ke 084-346978.

Hadir sama mengunjungi kaunter pameran tersebut ialah Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri Datuk Len Talif Salleh, Pegawai Tadbir (SAO) Daerah Kecil Belawai Abang Mohamad Abang Turkey dan Penolong Pengarah JBG Bahagian Sibu Nor Kamal Hassan.